

# 'Belanjawan tak akan diubah'

BH 15/11

➔ Kerajaan buat andaian harga minyak naik AS\$85 satu tong

Oleh Nur Lela Zulkipli  
nurlela@nstp.com.my

► Kuala Lumpur

**K**erajaan tidak akan mengubah suai Belanjawan 2019 walaupun berlaku kejatuhan harga minyak mentah dunia kepada AS\$65 satu tong ketika ini, kata Menteri Kewangan, Lim Guan Eng.

Katanya, kerajaan akan membuat kajian menyeluruh kenaikan atau kejatuhan harga minyak mentah dunia memandangkan peningkatan harga bahan api itu bakal memberi

bahsuaian belanjawan) walaupun pun harga minyak mentah jatuh sehingga AS\$52 atau AS\$72 satu tong.

"Kita merangka belanjawan pada andaian harga minyak AS\$72 satu tong dan ketika belanjawan disediakan, kita andaikan harga minyak naik AS\$85 satu tong," katanya di lobi Parlimen, semalam.

Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, ketika membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2019 semalam menyuarakan kegusarannya susulan pendekatan Pakatan Harapan (PH) merangka Belanjawan 2019 bersandarkan harga minyak mentah dunia AS\$72 satu tong.

Menyentuh isu penurunan penarafan terhadap PETRONAS oleh Moody Investors Services, Guan Eng berkata, ia bukan penurunan taraf sebaliknya hanya unjuran.

Bagaimanapun, beliau me-



Lim Guan Eng

ja keras untuk memastikan ini dikekalkan. Ia memang mencabar berikutan defisit fiskal tetapi kita akan mengimbangi-nya," katanya.

## Kejutan pasaran modal

Sementara itu, menjawab soalan tambahan Hassan Abdul Karim (PH PKR-Pasir Gudang) pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam, Guan Eng berkata, pelaksanaan cukai kekayaan, warisan dan keuntungan modal yang menjejaskan golongan ini

Katanya, penetapan cukai untuk golongan kaya itu dikhuatiri mencetuskan kejutan terhadap pasaran modal dan kedudukan kewangan negara.

Katanya, pendirian itu diumumkan Jawatankuasa Reformasi Cukai yang ditubuhkan pada 14 September lalu, selepas mendapat maklum balas beberapa pihak seperti Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Sekuriti dan Kementerian Kewangan.

"Wujud kebimbangan pulangan akan diterima kerajaan tidak seimbang susulan kesan negatif terhadap pasaran modal dan kedudukan kewangan negara (jika cukai seperti itu dilaksanakan), sekali gus mencetuskan kejutan.

"Oleh itu, banyak tentangan daripada BNM dan Suruhanjaya Sekuriti jika keuntungan modal untuk pasaran saham dan kekayaan dikenakan cukai di negara ini.

"Kejutan dikhuatiri akan datang

banan api itu bakal memberi kesan kepada bekalan walaupun mengurangkan hasil.

"Pada masa ini, tidak (pengu-

ngakui berasa lega kerana peranafan kedaulatan tidak diturunkan.

"Semestinya kita mesti beker-

yang menyasarkan golongan isi rumah berpendapatan tinggi 20 peratus (T20) bakal mengundang pelbagai kesan negatif.

ia juga diiktiraf mengundang kesan aliran keluar pasaran modal yang lebih besar," katanya.